

SOAL JAWAB

| Kategori Soalan : Umum | | |
|-------------------------------|---|---|
| Bil. | Soalan | Jawapan |
| 1. | IPTS yang menawarkan mata pelajaran pengajian secara jarak jauh/ODL, adakah perlu melaksanakan MPU? | ODL ataupun pembelajaran secara jarak jauh perlu melaksanakan MPU tanpa pengecualian. Pihak IPTS adalah diharap menggunakan kaedah yang sewajarnya. |
| 2. | Adakah pengendalian HE dan TITAS diwajibkan dalam Bahasa Melayu? | Ya. Pengendalian HE dan TITAS diwajibkan dalam Bahasa Melayu (Peruntukan Seksyen 42 Akta 555). |
| 3. | Pelajar-pelajar warganegara yang tidak belajar di Malaysia atau tiada SPM, adakah boleh mengikuti pembelajaran MPU mengikut pelajar bukan warganegara kerana tidak mahir Bahasa Melayu? | <p>Pelajar berstatus warganegara Malaysia perlu mempelajari MPU mengikut subjek yang disediakan khusus bagi pelajar warganegara tanpa mengira latar belakang pendidikan mereka.</p> <p>Walau bagaimanapun, penilaian mata pelajaran tersebut boleh dijalankan menggunakan dwibahasa kecuali mata pelajaran di dalam U1.</p> |
| 4. | Pelajar lepasan Diploma yang mengikuti silibus lama MPW, sekiranya menyambung pengajian di peringkat Diploma Lanjutan selepas 1/9/2013 adakah masih perlu ambil MPU? | Ya. Pelajar perlu ambil MPU boleh dipertimbangkan untuk kumpulan mata pelajaran U1 oleh IPTS tersebut. |
| 5. | Pelajar lepasan diploma yang mengikuti silibus baru MPU, sekiranya menyambung pengajian di peringkat diploma lanjutan, adakah masih perlu ambil subjek MPU sekali lagi? | Tidak perlu mengambil MPU sekali lagi. Bagi pelajar yang belum mengambil MPU, mereka perlu mengambil MPU di peringkat diploma lanjutan. |

| Bil. | Soalan | Jawapan |
|------|---|---|
| 6. | Twinning Program (contohnya degree 1+2, iaitu satu tahun pengajian dalam Negara), adakah pelajar perlu selesaikan semua subjek MPU terlebih dahulu sebelum meneruskan pengajian di luar negara. | Tidak semestinya tetapi perlu dipastikan pelajar telah mengikuti semua MPU yang dikenal pasti dan lulus sebelum menamatkan pengajian. |
| 7. | <p>Bagi Twinning Program (1+2), bagaimana 12-14 jam kredit bagi MPU ini hendak dilaksanakan dalam tempoh setahun sedangkan kredit hours bagi <i>core subject</i> juga perlu diselesaikan dalam tempoh tersebut?</p> <p>Bolehkah IPTS menawarkan subjek tersebut semasa tempoh cuti pelajar?</p> | IPTS boleh menawarkan MPU semasa tempoh cuti pelajar dengan budi bicara pelajar-pelajar yang terlibat. |
| 8. | Bolehkah subjek yang sama dalam U2, U3, dan U4 diambil oleh seorang pelajar yang sama untuk setiap peringkat pengajian? | <p>Tidak dibenarkan kecuali tahap berbeza.</p> <p>Contoh:</p> <p>Situasi 1 : Pelajar A ambil mata pelajaran Penulisan Kreatif di peringkat sijil. Pelajar A juga ambil Penulisan Kreatif di peringkat Diploma - tidak dibenarkan kerana tahap yang sama.</p> <p>Situasi 2 : Pelajar A ambil mata pelajaran <u>Penulisan Kreatif 1</u> di peringkat sijil. Pelajar A ambil <u>Penulisan Kreatif 2</u> di peringkat Diploma - dibenarkan.</p> |

| Bil. | Soalan | Jawapan |
|------|--|--|
| 9. | Adakah MPU diwajibkan kepada program Foundation? | Tidak. Bagi program Foundation atau setara di tahap 1 & tahap 2 mengikut tafsiran MQA, MPU adalah tidak diwajibkan untuk program foundation dimana pelajar disediakan untuk meneruskan pengajian di dalam Negara sahaja. Bagi pelajar program Foundation dimana pelajar disediakan untuk meneruskan pengajian ke luar Negara, pelajar wajib mengambil mata pelajaran MPU di tahap sijil (Tahap 3). |
| 10. | Sekiranya MPU ingin ditawarkan di peringkat <i>Foundation</i> bagi pelajar yang akan meneruskan pengajian di dalam Negara, adakah dibenarkan? Sekiranya dibenarkan, adakah bilangan kredit boleh melebihi 50? | Ya, digalakkan untuk mengambil mata pelajaran MPU di tahap sijil (Tahap 3). <i>Tidak boleh. Kerana tertakluk kepada dasar KPM iaitu tempoh pengajian tidak melebihi 43 minggu dan 50 kredit setahun</i> |
| 11. | Adakah subjek Pengajian Islam boleh diwajibkan dalam MPU kerana terdapat masalah ketidakfahaman asas agama Islam? | Subjek Pengajian Islam boleh ditambah (bukan wajib) dan boleh diklasifikasikan di bawah komponen U3. Namun, Kandungan mata pelajaran tersebut perlu disesuaikan dengan klasifikasi komponen U3 dan tahap program. |
| 12. | Adakah kod subjek MPU diselaraskan? | Format kod mata pelajaran adalah cadangan oleh pihak Kementerian dan MQA. Jika ada penetapan kod mata pelajaran yang berlainan daripada IPT, IPT perlu sertakan justifikasi kod mata pelajaran tersebut dengan permohonan kelulusan MQA. |

| Bil. | Soalan | Jawapan |
|-------------|---|--|
| 13. | Adakah perlu dilaksanakan U1 hingga U4 mengikut turutan? | Tidak. Terpulang kepada IPT masing-masing mengikut kesesuaian. |
| 14 | Adakah pengecualian bagi Bahasa Melayu Komunikasi 1 & 2 boleh diberikan kepada pelajar yang telah mengambil Bahasa Melayu di peringkat O-Level? (pelajar bukan warganegara dari Brunei, Indonesia & Singapura) | Pengecualian boleh diberikan tetapi perlu ada kelayakan Bahasa Melayu di peringkat O-Level dan menggantikannya dengan satu kursus lain dari kategori U2 atau U3 sebagai komponen U1. Yang pentingnya pelajar perlu menepati keperluan kredit MPU mengikut peringkat untuk tamat pengajian. |
| 15. | Adakah MPU merupakan mata pelajaran pilihan kepada pelajar bukan warganegara? | Tidak. Pelajar bukan warganegara DIWAJIBKAN untuk mengambil MPU sepertimana pelajar tempatan, kecuali bagi kelompok U1 mempunyai komposisi mata pelajaran yang berbeza (Rujuk Lampiran C). |
| 16. | Adakah dibenarkan pindah kredit bagi mata pelajaran MPU dari Sijil > Diploma > Ijazah. | Tidak dibenarkan kerana peringkat dan tahap berbeza. |
| 17. | Adakah pengecualian boleh diberikan kepada twinning / collaboration programme untuk tidak ditawarkan MPU? | Tidak. KPT menetapkan semua program dari tahap 3, 4, 5 dan 6 wajib melaksanakan MPU (Lampiran A). |
| 18. | Bolehkah Pelajar bukan warganegara menguasai Bahasa Melayu dan mempelajari MPU dalam Bahasa ini sedangkan mereka hanya mempelajari Bahasa Melayu Komunikasi dalam satu semester sahaja? | Pelajar bukan warganegara hanya akan mempelajari Bahasa Melayu Komunikasi dalam bahasa Melayu untuk kebolehan berkomunikasi. Bagi subjek lain boleh dikendalikan dalam bahasa Inggeris. Adalah diingatkan bahawa pensyarah perlu menggunakan kaedah Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) yang sewajarnya. |

| Bil. | Soalan | Jawapan |
|-------------|--|--|
| 19. | Apakah kelayakan staf akademik untuk mengajar HE dan TITAS? | Kelayakan staf akademik untuk TITAS dan Hubungan Etnik. <i>i. Mempunyai sekurang-kurangnya ijazah sarjana muda dalam bidang berkaitan; atau</i> <i>ii. Mempunyai kelayakan ijazah sarjana muda dengan pengalaman mengajar sekurang-kurangnya 3 tahun dalam mata pelajaran yang diajar.</i> |
| 20. | Dicadangkan apabila terdapat perubahan pada MPU pihak KPM dapat memberi taklimat/latihan kepada IPTS dari semasa ke semasa memandangkan MPU baru dilaksanakan. | Maklumat terkini berkaitan pelaksanaan MPU boleh dimuat turun dari portal JPT. http://jpt.mohe.gov.my/external2.htm |
| 21. | Adakah pelajar yang berstatus PR (Permanent Resident) termasuk di dalam kategori pelajar warganegara? | Bagi tujuan MPU, pelajar yang berstatus PR (Permanent Resident) tidak termasuk di dalam kategori pelajar warganegara. |
| 22. | Adakah pelajar warganegara yang tidak mempunyai kelayakan dalam Bahasa Melayu perlu mengambil mata pelajaran bahasa Melayu di dalam MPU? | Pelajar warganegara yang tidak mempunyai kelayakan dalam Bahasa Melayu perlu mengambil Bahasa Kebangsaan A. |
| 23. | Mengikut pilihan kaedah penilaian mata pelajaran MPU, adakah dibenarkan untuk menggunakan pelbagai pilihan untuk pelbagai mata pelajaran? | IPT perlu menggunakan satu pilihan kaedah penilaian sahaja untuk sesuatu mata pelajaran MPU yang dijalankan. Sehubungan dengan itu, pelajar yang mengambil mata pelajaran tersebut perlu mendapat penilaian yang sama. Walau bagaimanapun kaedah penilaian yang |

| | | |
|-------------|---|--|
| | | sesuai untuk mata pelajaran MPU perlu merujuk kepada syor dan kelulusan MQA. |
| Bil. | Soalan | Jawapan |
| 24. | Bolehkah IPT menggunakan buku rujukan selain dari pada buku rujukan yang di syorkan? | IPT boleh menggunakan buku rujukan selain daripada buku rujukan yang di syorkan selagi buku tersebut menepati dan tertakluk kepada silibus yang telah ditetapkan. |
| 25. | Adakah pelajar program Sijil Siswazah dan Diploma Siswazah perlu mengambil mata pelajaran MPU? | Pelajar program Sijil Siswazah dan Diploma Siswazah (Tahap 6) perlu mengambil mata pelajaran MPU di dalam kategori U1 (Ijazah Tahap 6) sahaja. |
| 26 | Adakah perbezaan antara pelajar yang mengambil Bahasa Kebangsaan A berbanding dengan pelajar yang tidak tertakluk daripada mengambil Bahasa Kebangsaan A? | Bahasa Kebangsaan A adalah 3 jam kredit, oleh itu memang wujud perbezaan bagi pelajar yang ambil kebangsaan A di mana akan berlaku pertambahan kredit. |
| 27 | Perluakah pelajar yang mengambil Bahasa Kebangsaan A mengambil satu lagi mata pelajaran dalam kumpulan U1. | Tidak. Bahasa Kebangsaan A diambil kira sebagai mata pelajaran dalam kumpulan U2. |
| 28 | Perlukan pelajar yang telah mengambil Bahasa Kebangsaan A mengambil semula di tahap pengajian yang berbeza? | Bahasa Kebangsaan A hanya perlu diambil sekali sahaja. Pelajar yang telah ambil Bahasa Kebangsaan A perlu mengambil mata pelajaran kumpulan U2 dalam penawaran MPU setelah melanjutkan pengajian seterusnya. |
| 29 | Perluakah pelajar yang telah mengambil Bahasa Kebangsaan A semasa Mata Pelajaran Wajib mengambil semula Bahasa Kebangsaan A semasa penawaran MPU? | Pelajar yang pernah mengambil Bahasa Kebangsaan A semasa MPW dan bergraduat dalam program yang terlibat serta lulus MPW tidak perlu mengambil Bahasa Kebangsaan A semula. |

| Bil. | Soalan | Jawapan |
|------|---|--|
| 30 | Bolehkan pelajar bergraduat diploma melaksanakan perpindahan kredit untuk penawaran MPU? | Pelajar bergraduat diploma, tidak boleh pindah kredit untuk penawaran MPU jika terdapat berbeza tahap program. |
| 31 | Perlukan pelajar yang masih mengikut sistem lama MPW (tidak tertakluk kepada penawaran MPU) ditawarkan MPU? | Pelajar yang masih mengikut sistem lama MPW perlu mengikut sistem tersebut dan menghabiskan MPW untuk syarat bergraduat. |
| 32 | Adakah Diploma Eksekutif perlu ditawarkan MPU? | Diploma Eksekutif tahap 4 perlu ditawarkan MPU bagi kumpulan U1, U2 dan U3 pada tahap 4 dan 5 sahaja. Jumlah kredit untuk penawaran ini adalah sama dengan jumlah kredit di tahap 3. |
| 33 | Pelajar ijazah tahap 6 yang telah lulus subjek MPU dari sesebuah institusi dan ingin menyambung pengajian ijazah di institusi lain. Bolehkah subjek MPU yang telah lulus diberikan pindahan kredit? (peringkat pengajian yang sama) | Pelajar peringkat ijazah tahap 6 yang telah lulus subjek MPU dari sesebuah institusi dan ingin menyambung pengajian ijazah tahap 6 di institusi lain, pindahan kredit boleh dipertimbangkan mengikut permohonan dan situasi pelajar dari IPTS lamanya (berhenti, berpindah atau menyambung pengajian di IPTS terkini). Pelajar juga perlu mengemukakan bukti telah mengambil serta LULUS subjek MPU yang berkenaan. |
| 34 | Perlukah pelajar bukan warganegara di dalam program A-Level persediaan ke luar negara ditawarkan MPU? | Pelajar bukan warganegara di dalam program A-Level persediaan ke luar negara tidak perlu ditawarkan MPU |

| Bil. | Soalan | Jawapan |
|------|--|--|
| 35 | Bolehkah penawaran MPU dilaksanakan selepas mendapat kelulusan daripada MQA? | <p>IPTS dibenarkan untuk melaksanakan penawaran MPU sebaik sahaja mendapat kelulusan MQA. Walaubagaimanapun, IPTS perlulah mengemukakan permohonan pindaan butiran surat kelulusan pengendalian kursus pengajian kepada Bahagian Pendaftaran dan Piawaian, JPT dalam masa enam (6) bulan daripada tarikh surat kelulusan MQA.</p> <p>(Rujuk surat JPT/GS 1000-610 Jld. 3 (13) bertarikh 16 Januari 2014) yang boleh didapati dari portal JPT</p> |
| 36 | Bolehkah kaedah pelaksanaan MPU dilakukan secara sesi pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas dan ditambah dengan sesi pengajaran dan pembelajaran secara atas talian (<i>online</i>)? | Setiap kaedah pelaksanaan penawaran MPU yang berbeza dengan mode pelaksanaan yang biasa diamalkan perlu dikemukakan untuk penilaian MQA sebelum diluluskan untuk pengendalian. |
| 37 | Pelajar telah mengambil serta lulus MPW di IPTS A dan berpindah ke IPTS B dalam tahap yang sama (diploma – diploma / ijazah – ijazah) selepas September 2013 dan mendapat pindahan kredit. Adakah pelajar ini perlu mengambil MPU di IPTS B? | Tidak perlu sekiranya pelajar ini tidak dikira sebagai pelajar kohort baru tahun satu selepas September 2013. |

| Bil. | Soalan | Jawapan |
|-----------------------------|--|--|
| 38 | Adakah pelajar bukan warganegara di luar negara yang mengikuti pengajian dengan IPTS secara atas talian sepenuhnya boleh dikecualikan daripada MPU? | Pelajar bukan warganegara di luar negara yang mengikuti pengajian dengan IPTS secara atas talian sepenuhnya boleh dikecualikan daripada MPU, dengan syarat memenuhi jumlah kredit minima sebagai syarat bergraduasi. |
| 39 | Adakah program ijazah tahap 6 yang memerlukan ijazah pertama sebagai syarat kelayakan masuk juga perlu ditawarkan MPU? | Program ijazah sarjana tahap 6 yang memerlukan ijazah pertama sebagai kelayakan masuk untuk ijazah kedua tidak perlu ditawarkan MPU. |
| Kategori Soalan : U1 | | |
| Bil. | Soalan | Jawapan |
| 1. | Adakah TITAS dan Hubungan Etnik wajib? | Wajib bagi pelajar warganegara di tahap Ijazah. |
| 2. | Adakah TITAS dan Hubungan Etnik perlu dijalankan serentak dalam semester yang sama? | Tidak semestinya. Boleh dijalankan mengikut kemampuan dan kesesuaian semester atau program. Sebagai contoh, semester 1, pelajar boleh mengambil TITAS terlebih dahulu dan kemudian semester 2, mengambil Hubungan Etnik. |
| 3. | Adakah TITAS perlu diajar oleh pensyarah berbangsa Melayu atau Muslim sahaja? | Tidak semestinya berbangsa Melayu atau muslim. Staf akademik perlu mempunyai kelayakan dan pengalaman yang bersesuaian lebih daripada 3 tahun. |
| 4. | Pelajar bukan warganegara masuk IPTS terus ke Program Ijazah. Adakah wajar mempelajari Bahasa Melayu Komunikasi 2 sedangkan Bahasa Melayu Komunikasi 1 tidak dipelajari. | Sekiranya kelas Bahasa Melayu Komunikasi 2 terdiri daripada pelajar-pelajar bukan warganegara yang keupayaan Bahasa Melayu Komunikasi adalah bercampur-campur maka pensyarah perlu mengambil langkah-langkah pengukuhan yang sewajarnya. |

| Bil. | Soalan | Jawapan |
|--|---|--|
| 5. | Adakah pelajar lepasan Matrikulasi dikecualikan mengambil mata pelajaran Hubungan Etnik? | Tiada pengecualian diberikan. Sekiranya mereka telah mengambil mata pelajaran Hubungan Etnik, maka mereka perlu menggantikan dengan menambahkan kredit di U2 dan U3 bagi menepati keperluan kredit MPU. |
| Kategori Soalan : U2, U3 dan U4 | | |
| Bil. | Soalan | Jawapan |
| 1. | Adakah subjek Pengajian Islam diajar sebagai komponen subjek dalam U2 atau U3? | Mata pelajaran Pengajian Islam boleh dipilih tetapi lebih sesuai diletakkan di bawah komponen U3 dan perlu disesuaikan mengikut tahap, hasil pembelajaran dan klasifikasi MPU |
| 2. | Bagi subjek-subjek dalam kategori U2 dan U3, adakah boleh mengguna pakai silibus yang lama? | Boleh tetapi perlu disesuaikan mengikut tahap, hasil pembelajaran dan klasifikasi MPU. Adalah diingatkan IPT perlu merujuk silibus yang telah ditetapkan dalam buku panduan MPU. Contoh: Mata Pelajaran Islam/ Moral tidak berapa sesuai di dalam U2 tetapi jika dilakukan dalam U2, maka perlu menerapkan INSANIAH. Namun, lebih tepat dimasukkan ke dalam U3. |
| 3. | Jika pelajar buat <i>family day</i> , ada perancangan dan sebagainya, boleh diambil kira sebagai aktiviti U4? | <i>Family Day</i> atau sebarang aktiviti boleh dikira di dalam U4 sekiranya ada bukti <i>Learning Outcome</i> (LO) bagi U4 dilaksanakan. |
| 4. | Adakah aktiviti kokurikulum tergolong dalam U4? | Ya. Tetapi perlu menepati keperluan <i>Learning Outcome</i> (LO) bagi U4. |

| Bil. | Soalan | Jawapan |
|-------------|---|---|
| 5. | Adakah U4 boleh diselitkan di antara U2 dan U3? | Tidak boleh kerana klasifikasi U2 dan U3 adalah berbeza dengan U4. U4 boleh menjadi lanjutan kepada U2 dan U3. |
| 6 | Berapa orang ahli sepatutnya di dalam satu kumpulan bagi melaksanakan projek bagi U4? | Secara amnya, seramai 20 ke 30 orang pelajar, bergantung kepada projek. Yang pentingnya, pastikan objektif mata pelajaran U4 itu dicapai. |
| 7. | Adakah 1 projek dalam U4 terhad untuk pelajar kohort yang sama sahaja? | Tidak semestinya. Amalan merentasi kohort dan peringkat pengajian adalah amat digalakkan jika IPT boleh membezakan LO pelajar yang berbeza tahap untuk kursus yang sama sekiranya pelajar berkenaan digabungkan dalam kelas yang sama. Amalan ini akan menggalakkan pemindahan pengetahuan dan kemahiran sesama pelajar yang lebih berkesan. Contoh: Pelajar ijazah dengan pelajar diploma. |
| 8. | Adakah pelajar dibenarkan untuk memilih subjek di bawah U2, U3 dan U4? | Ya. Pelajar dibenarkan dan digalakkan untuk memilih. |
| 9. | Apabila IPTS memilih sendiri bilangan jam kredit mengikut pilihan masing-masing, tiada keseragaman antara satu kolej dan lain. Pelajar yang hendak bertukar kolej akan ada masalah dalam pemindahan kredit. | Sistem jam kredit minimum dan maksimum yang telah ditetapkan mampu mengatasi cabaran pemindahan kredit. |

| Bil. | Soalan | Jawapan |
|-------------|--|--|
| 10. | Adakah pelajar yang telah mengambil U2, U3 dan U4 semasa tahap Diploma perlu mengambil semula semasa menyambung pengajian di tahap Ijazah? | Ya. Bagi tujuan P&P MPU pemindahan kredit U2, U3 dan U4 tidak dibenarkan bagi pelajar yang ingin melanjutkan pengajian dari peringkat Diploma ke peringkat Ijazah Sarjana Muda. Pelajar boleh mengambil subjek yang berlainan di bawah kategori U2, U3 dan U4 pada tahap Ijazah. |
| 11. | Siapa yang akan bertanggungjawab terhadap keselamatan pelajar semasa menjalankan U4? | IPT akan bertanggungjawab sepenuhnya terhadap keselamatan pelajar. Pihak IPT perlu mengambil langkah-langkah keselamatan yang sewajarnya untuk pelajar di institusi masing-masing. |
| 12. | Untuk aturan pengajian, bolehkah kursus U3 ditawarkan di antara kursus U2 dan U4. | U2, U3, dan U4 boleh ditawarkan mengikut kesesuaian IPT masing-masing. |